




PENJELASAN MENGENAI SUBSIDI DAN BANTUAN KERAJAAN KEPADA RAKYAT




Penjelasan Mengenai Subsidi dan Bantuan Kerajaan Kepada Rakyat

SUBSIDI PRODUK PETROLEUM

1. Mengapa berlakunya kenaikan harga minyak mentah dunia?

- Harga minyak mentah dunia, berpandukan harga minyak mentah jenis *West Texas Intermediate* (WTI), meningkat kerana :
 - Permintaan minyak mentah dunia yang tinggi (85.9 juta tong sehari pada tahun 2007), terutama daripada China dan India, berbanding dengan bekalan (84.9 juta tong sehari) yang mengakibatkan lonjakan harga minyak mentah dunia;
 - Keadaan geopolitik yang tidak stabil dan tidak menentu di beberapa negara OPEC seperti Iran dan Iraq yang menjejaskan pengeluaran minyak mentah; dan
 - Aktiviti spekulasi pembelian minyak mentah masa hadapan (*futures trading*).
- Sejak pertengahan tahun 2004, harga minyak mentah telah meningkat tinggi di pasaran dunia. Harga minyak mentah jenis WTI, telah meningkat daripada purata AS\$41.60 setong pada tahun 2004 kepada AS\$72.28 setong pada tahun 2007. (Sila lihat **Carta 1**). Pada bulan Disember 2007 harga purata adalah sebanyak AS\$91.36 setong dan terus meningkat kepada AS\$92.98 setong pada bulan Januari 2008.
- Harga minyak mentah jenis *Tapis* (minyak mentah keluaran Malaysia) turut meningkat daripada purata AS\$41.48 setong pada tahun 2004 kepada AS\$78.30 pada tahun 2007. Pada bulan Januari 2008 harga purata terus meningkat kepada AS\$96.74 setong.

CARTA 1
Harga Purata Minyak Dunia Yang Terus Meningkatkan ...



Sumber : *Bloomberg*


2. Negara kita menghasilkan minyak. Jadi kenapa harga minyak kita perlu naik?

- Malaysia mengeluarkan minyak jenis Tapis, namun minyak tersebut tidak digunakan dalam negeri kerana berkualiti tinggi serta harga lebih mahal dan lebih menguntungkan jika dieksport. Oleh itu, Malaysia mengimport minyak jenis lain yang harganya lebih rendah untuk kegunaan tempatan. Dengan ini Malaysia mendapat keuntungan dengan mengeksport minyak yang lebih mahal dan mengimport minyak yang lebih murah.
- Harga minyak ditentukan oleh pasaran dunia dan di luar kawalan Malaysia. Walau bagaimanapun OPEC memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pengeluaran minyak dunia tetapi ia tidak mampu mempengaruhi harga pasaran minyak sepenuhnya.
- Dari segi produk petroleum tempatan (petrol, diesel dan LPG), PETRONAS hanya membekalkan 42 peratus daripada pasaran runcit produk petroleum. Bakinya dibekalkan oleh syarikat asing seperti Shell, Exxon-Mobil, BHP dan Chevron. Jika harga runcit produk petroleum hendak dikekalkan rendah, Kerajaan terpaksa menanggung keseluruhan subsidi minyak dan adalah tidak bijak Kerajaan berbuat demikian. Jika PETRONAS pula dikehendaki menanggung keseluruhan subsidi tersebut, bermakna PETRONAS juga terpaksa menanggung subsidi yang sepatutnya dibayar oleh Shell, Exxon-Mobil, BHP dan Chevron. Ini kerana Kerajaan tidak boleh memaksa syarikat minyak asing untuk menanggung subsidi tersebut kerana ia bukan milik Kerajaan.

3. Berapakah harga petrol RON97 dan diesel di Malaysia berbanding harga di negara jiran?


- Secara perbandingan, harga petrol RON97 dan diesel di Malaysia adalah lebih murah daripada kebanyakan negara ASEAN. Malah, ia adalah di antara yang terendah di dunia. (Sila lihat **Carta 2** dan **3**)

CARTA 2
Harga Runcit Petrol RON97 Di Malaysia (November 2007)
Masih Antara Terendah Berbanding Dengan Negara Lain ...



Sumber : Berdasarkan penyelidikan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

CARTA 3
Harga Runcit Diesel Di Malaysia (November 2007)
Masih Antara Terendah Berbanding Dengan Negara Lain ...




Sumber : Berdasarkan penyelidikan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

4. Bagaimanakah Kerajaan memastikan harga produk petroleum lebih rendah daripada negara jiran?


- Kerajaan memastikan harga produk petroleum (petrol, diesel dan LPG) rendah dengan memberi subsidi dan pengecualian cukai jualan kepada pengguna.
- **Harga sebenar** produk petroleum berbanding harga runcit adalah seperti di **Carta 4, 5 dan 6**.

Carta 4
Harga Runcit Petrol RON97, Subsidi Serta Pengecualian Cukai Dan Harga Sebenar...




Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna

CARTA 5
Harga Runcit Diesel, Subsidi Serta Pengecualian Cukai
Dan Harga Sebenar ...



Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwat Pengguna


CARTA 6
Harga Runcit Gas Memasak (LPG), Subsidi Dan Harga Sebenar...



Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwat Pengguna

- Dengan adanya subsidi, harga runcit bagi satu tong gas seberat 12 kilogram di Semenanjung adalah RM21.00 sedangkan harga sebenar ialah RM45.61. Jadi bagi setiap tong gas 12kg di Semenanjung, Kerajaan menanggung subsidi sebanyak RM24.61. Subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan bagi setiap tong gas 12kg di Sabah ialah RM25.38 manakala di Sarawak ialah RM25.28. (Sila lihat Carta 7).

CARTA 7
Harga Runcit Gas Memasak 12kg Di Semenanjung, Sabah & Sarawak Dan Harga Sebenar ...



Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwat Pengguna

5. Kenapa Kerajaan perlu berhemat dalam pemberian subsidi bagi produk petroleum?

- Ini adalah kerana jumlah tanggungan subsidi Kerajaan semakin besar iaitu RM16.2 bilion pada tahun 2007. Sekiranya harga minyak mentah dunia terus meningkat, tanggungan subsidi Kerajaan juga turut meningkat. Sila lihat **Jadual 1**.

JADUAL 1
Jumlah Subsidi Dan Pengecualian Cukai Jualan ...

	2003	2004	2005	2006	2007
Purata Harga Minyak Tapis (AS\$ setong)	30.09	41.48	57.77	69.33	78.30
Jumlah Subsidi & Pengecualian Cukai Jualan (RM bil.)	6.6	12.0	16.0	14.7 *	16.2
<i>Subsidi (RM bil.)</i>	<i>1.8</i>	<i>4.8</i>	<i>8.2</i>	<i>7.3</i>	<i>8.8</i>
<i>Pengecualian Cukai Jualan (RM bil.)</i>	<i>4.8</i>	<i>7.2</i>	<i>7.8</i>	<i>7.4</i>	<i>7.4</i>

* Langkah menaikkan harga runcit produk petroleum pada 28 Februari 2006 telah membantu mengurangkan jumlah subsidi dan pengecualian cukai jualan


Sumber : Kementerian Kewangan

- Apabila jumlah subsidi dan pengecualian cukai jualan semakin meningkat, wang yang ada untuk tujuan pembangunan serta subsidi sektor lain terpaksa dikurangkan.
- Pemberian subsidi dan pengecualian cukai jualan yang tidak berhemat akan meningkatkan perbelanjaan mengurus Kerajaan dan seterusnya memburukkan keadaan defisit akaun Kerajaan. Ini akan menyebabkan Kerajaan terpaksa terus berhutang bagi menampung perbelanjaan yang semakin meningkat tersebut. Sekiranya keadaan ini berterusan, beban hutang akan terus ditanggung oleh generasi akan datang.

6. Siapakah yang sepatutnya mendapat manfaat subsidi?

- Tujuan Kerajaan memberi subsidi minyak adalah untuk mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sebaliknya, subsidi lebih banyak dinikmati oleh golongan kaya yang menggunakan kenderaan mewah berbanding dengan golongan sasar yang hanya menggunakan kereta berkuasa kecil dan motorsikal.
- Harga runcit produk petroleum dalam negeri jauh lebih rendah berbanding harga runcit di negara jiran. Ini menggalakkan kegiatan penyeludupan ke luar negara yang bererti rakyat asing dapat menikmati subsidi tersebut. Dengan kata lain, wang rakyat Malaysia digunakan untuk faedah rakyat negara jiran dan penyeludup.
- Subsidi produk petroleum hanya diberikan kepada pengguna kenderaan persendirian dan isi rumah serta sektor tertentu seperti sektor pertanian dan pengangkutan awam termasuk bot penumpang. Walau bagaimanapun, berlaku penyelewengan penjualan produk petroleum bersubsidi tersebut kepada sektor perindustrian dan ini menguntungkan pihak tidak sepatutnya menikmati subsidi berkenaan.
- Jumlah penjualan diesel bersubsidi tidak setimpal dengan jumlah pendaratan ikan seperti di **Carta 8**. Ini menunjukkan wujudnya penyelewengan penjualan diesel untuk nelayan kepada pihak lain.

CARTA 8
Peningkatan Penjualan Diesel Yang Tidak Setimpal
Dengan Jumlah Pendaratan Ikan ...



Sumber : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna

7. Adakah Kerajaan memberi subsidi produk petroleum tambahan kepada sektor-sektor tertentu?

- Ya, selain daripada subsidi produk petroleum yang telah disebutkan, Kerajaan juga telah memberi beberapa subsidi tambahan kepada sektor terpilih. Ini untuk mengurangkan beban rakyat, terutama mereka berpendapatan rendah dan sederhana serta memastikan harga barangan dan perkhidmatan tidak meningkat dengan mendadak.
- Subsidi tambahan turut diberi kepada pengusaha kenderaan awam dan perdagangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi. Sebanyak 84 peratus pengangkutan awam dan pengangkutan barangan pengguna atau lebih 275,900 kenderaan layak menikmati harga diesel bersubsidi pada harga RM1.43 seliter. Harga ini adalah 15 sen lebih rendah berbanding harga semasa RM1.58 seliter untuk pengguna lain.
- Sebanyak 20 jenis kenderaan termasuk bas sekolah, bas ekspres, bas mini, kereta sewa dan teksi layak menggunakan kemudahan *fleetcard* ini di 3,121 stesen minyak di seluruh negara. Surat kelulusan dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
- Kerajaan juga melaksanakan Sistem e-Diesel Nelayan bagi sektor perikanan. Melalui sistem ini Kerajaan menetapkan diesel bersubsidi pada harga RM1.00 seliter kepada kira-kira 18,000 nelayan di seluruh negara.
- Selain itu, seramai 15,000 nelayan pesisir pantai yang menggunakan bot dengan enjin sangkut petrol dan berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga menikmati petrol bersubsidi pada harga RM1.00 seliter.
- Diesel bersubsidi juga diberikan kepada pengusaha bot penumpang di pedalaman Sabah dan Sarawak pada harga RM1.20 seliter.

8. Apakah sumbangan PETRONAS kepada negara?

- PETRONAS adalah sebuah syarikat ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1974, bertujuan untuk membangunkan sumber minyak dan gas negara.
- Kini, PETRONAS telah berkembang untuk menjadi sebuah syarikat minyak dan gas yang tersenarai dalam *Fortune Global 500*, iaitu tergolong sebagai salah satu syarikat terbesar dunia. PETRONAS mempunyai empat anak syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia dan beroperasi di lebih 33 buah negara. Ini menjadikan PETRONAS sebagai sebuah syarikat minyak dan gas multinasional.
- Terdapat banyak sumbangan besar PETRONAS kepada negara, di antaranya :
 - Pada tahun 2007, PETRONAS telah menyumbang RM48.3 bilion dalam bentuk cukai, dividen dan royalti. Jumlah ini merupakan 66.2 peratus daripada keuntungan kasar.

- Dalam sektor pendidikan, PETRONAS telah menubuhkan Universiti Teknologi Petronas dan Institut Teknologi Petroleum bagi menyediakan peluang pengajian di peringkat tertiar. PETRONAS juga turut memberikan biasiswa kepada pelajar berkelayakan di sekolah menengah dan di universiti tempatan dan luar negara.
- Petrosains di KLCC yang dimiliki dan dikendalikan oleh PETRONAS adalah bagi mendedah dan meningkatkan minat para pelajar dan generasi muda terhadap ilmu sains dan teknologi. Pendedahan ini diharap menjadi langkah pertama ke arah mendalami ilmu tersebut dan seterusnya melahirkan ahli sains dan teknologi tempatan yang berwibawa.
- Pembinaan KLCC merupakan mercu tanda utama pembangunan negara manakala Taman Rekreasi KLCC disediakan secara percuma untuk kegunaan semua golongan masyarakat.
- PETRONAS melalui anak syarikatnya Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. sebagai pemaju Putrajaya telah menyumbang kepada pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Di samping itu, PETRONAS berperanan sebagai agensi peneraju Koridor Ekonomi Wilayah Timur.
- Dalam sektor pelancongan, PETRONAS telah menganjurkan sukan elit Formula 1 di Malaysia sebagai salah satu strategi penjenamaan Malaysia di peringkat antarabangsa dan sebagai satu usaha untuk menggalakkan pelancongan di dalam negara. Di samping itu, PETRONAS melibakan diri dalam teknologi pembangunan enjin automatif bagi Formula 1 dan kegunaan komersil.
- Selain itu, PETRONAS juga memberi subsidi gas kepada sektor tenaga dan sektor bukan tenaga berjumlah RM58.2 bilion bagi tempoh Mei 1997 hingga Mac 2007. Harga gas yang ditetapkan kepada sektor tenaga pada masa ini hanyalah RM6.40 setiap *million British Thermal Unit* (mmbtu) sahaja sedangkan harga gas berasaskan harga komersial ialah sebanyak RM40.53 setiap mmbtu. Pada tahun 2006, PETRONAS telah membelanjakan sebanyak RM15.6 bilion untuk membekalkan gas bersubsidi kepada sektor tenaga dan bukan tenaga.

BANTUAN-BANTUAN LAIN

9. Selain daripada subsidi minyak, adakah bantuan lain yang diberi oleh Kerajaan?

- Ya, selain daripada subsidi minyak terdapat pelbagai bantuan lain yang diberikan oleh Kerajaan. Subsidi adalah bantuan diterima secara terus oleh pengguna atau pengeluar / pengusaha seperti subsidi minyak, persekolahan seperti bantuan makanan dan pinjaman buku teks, subsidi bantuan harga padi dan subsidi baja, subsidi kepada orang asli, pengangkutan udara ke kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak dan sebagainya.
- Bantuan-bantuan lain adalah dalam bentuk perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan dengan harga bayaran minimum atau percuma. Di antaranya adalah rawatan perubatan di klinik dan

hospital Kerajaan, pendidikan di sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi awam, biasiswa dan pinjaman pelajaran.

- Pada tahun 2007 sebanyak RM9.2 bilion telah dibelanjakan oleh Kerajaan dalam bentuk pelbagai bantuan kepada rakyat seperti di **Jadual 2**.

JADUAL 2
Terdapat Pelbagai Bantuan Kepada Rakyat ...

	RM Juta				
	2003	2004	2005	2006	2007
Subsidi Padi	580	635	626	841	949
Bantuan Harga Padi	438	448	448	445	488
Baja Padi	142	187	178	396	226
Insentif Peningkatan Hasil Padi	-	-	-	-	43
Insentif Pengeluaran Padi	-	-	-	-	163
Subsidi Harga Benih Padi	-	-	-	-	29
Subsidi Faedah Imbuhan Tabung	-	-	178	347	503
Kos Dana Peniaga Kecil	-	519	449	175	400
Pendidikan	2,601	2,957	2,733	3,057	3,911
Program Makanan Tambahan	501	585	626	664	637
Skim Pinjaman Buku Teks	208	336	153	149	200
Bayaran Baucar Tuisyen	-	-	178	175	200
Program Susu Sekolah	-	-	16	20	17
Biasiswa / Dermasiswa & Bantuan Pelajaran	1,587	1,683	1,721	1,671	2,283
Bantuan Asrama Sekolah	305	353	39	378	574
Pengangkutan	339	366	153	160	218
Pampasan Tol	324	341	129	135	117
MAS	-	10	9	10	32
KTMB	15	15	15	15	69
Bantuan Untuk Orang Asli	11	12	14	12	15
Sosial	159	197	189	242	266
Bantuan Kanak-kanak	39	40	44	59	68
Bantuan Orang Tua	20	32	31	47	40
Bantuan Am	82	94	86	99	113
Geran Pelancaran	1	1	1	1	1
Penerima Elaun Pekerja OKU	11	18	21	28	32
Bantuan Bencana	6	11	5	5	9
Alat Tiruan / Sokongan	-	2	2	2	2
Lain-lain	1,366	5,456	1,971	3,305	2,947
Pemberian Kepada Persatuan	106	86	180	189	-
Pemberian Kepada Perusahaan	1,260	5,370	1,791	3,116	2,947
JUMLAH	5,056	10,142	6,313	8,139	9,209

Sumber : Kementerian Kewangan & Jabatan Kebajikan Masyarakat

10. Apakah bantuan-bantuan lain yang diberikan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat? Sila jelaskan.

- **Pertanian**
 - Seramai 50,832 peneroka Felda akan menerima kenaikan kadar pinjaman sara hidup dan pendahuluan pendapatan dengan peruntukan sebanyak RM2.15 bilion dalam tempoh lima tahun mulai Mac 2008 hingga tahun 2012. Selain itu, peneroka kelapa sawit juga akan menerima pendapatan tambahan melalui agihan bayaran lebihan hasil. Peruntukan ini melibatkan RM1.89 bilion bagi peneroka kelapa sawit manakala RM250 juta bagi peneroka getah.

Di samping itu, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM488 juta bagi subsidi harga padi pada tahun 2007 dan sejumlah RM226 juta bagi subsidi baja padi. Nilai subsidi padi adalah sebanyak RM248.10 setan metrik dengan ini harga padi dapat dinaikkan daripada RM550 setan metrik ke paras RM650 setan metrik. Kenaikan ini membantu meningkatkan pendapatan petani dan pensawah padi.

- Bank Pertanian Malaysia pula telah memberi pinjaman kepada petani dengan kadar faedah yang rendah 3.75 peratus setahun berbanding kadar faedah pasaran 8.76 peratus. Nelayan juga mendapat pinjaman dengan kadar faedah rendah sebanyak 0 hingga 2.5 peratus setahun di bawah Dana Nelayan LKIM.

• Pendidikan

- Kementerian Pelajaran telah memperuntukkan RM3 bilion menerusi Skim Bantuan Tambahan kepada pelajar di seluruh negara pada tahun 2008. Jumlah yang besar ini adalah untuk memastikan golongan kurang berkemampuan mendapat pembelaan sewajarnya dan bagi mengelakkan mereka tercicir daripada arus pendidikan negara.
- Di samping itu, bermula pada tahun 2008, pendidikan awam diberikan secara percuma. Yuran peperiksaan PMR, SPM, STPM dan Sijil Tinggi Agama Malaysia serta yuran sekolah menengah dan rendah telah dimansuhkan. Skim Pinjaman Buku Teks juga telah diperluaskan meliputi semua pelajar.
- Bagi tahun 2008, Program Rancangan Makanan Tambahan telah diperuntukkan sebanyak RM276 juta di mana setiap pelajar miskin akan dapat RM1.20 sehingga RM2.05. Program Susu Sekolah diperuntukkan sebanyak RM26.7 juta untuk 621,773 pelajar. Sebanyak RM188.8 juta adalah bantuan kepada murid sekolah rendah dan menengah untuk membeli pakaian seragam unit beruniform. Bantuan Makan Khas Prasekolah diperuntukkan RM50 juta untuk 171,550 pelajar.
- Bantuan Makanan Asrama dinaikkan daripada RM9.50 kepada RM12.00 meningkat daripada RM665 juta pada tahun lalu kepada RM1.08 bilion. Sebanyak RM268.5 juta diperuntukkan bagi Biasiswa Kecil Persekutuan, Biasiswa Kelas Persediaan Universiti dan Skim Biasiswa Sukan. Selain itu, RM200 juta diperuntukkan kepada Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, RM246.9 juta untuk Skim Bantuan Tuisyen dan RM91 juta bagi Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid. Di samping itu, kelas-kelas percuma untuk ibu bapa dalam kalangan Orang Asli diadakan supaya mereka hadir bersama anak masing-masing.
- Untuk pelajar yang meminjam daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), mereka hanya dikenakan kadar faedah 3.0 peratus setahun sedangkan Tabung berkenaan terpaksa membayar faedah 5.0 peratus setahun kepada KWSP. Ini bererti Kerajaan melalui PTPTN memberikan subsidi kadar faedah 2.0 peratus setahun kepada setiap pelajar yang meminjam daripada PTPTN. (Sila lihat **Jadual 3**).

JADUAL 3
Bilangan Peminjam Dan Jumlah Pinjaman PTPTN
Yang Semakin Meningkat ...

Tahun	IPTA		IPTS		Jumlah Keseluruhan	
	Bilangan Peminjam	Amaun Pinjaman (RM'000)	Bilangan Peminjam	Amaun Pinjaman (RM'000)	Bilangan Peminjam	Amaun Pinjaman (RM'000)
1997	11,121	200,579	158	5,662	11,279	206,241
1998	16,569	313,722	654	26,213	17,223	339,935
1999	79,525	1,431,310	5,904	300,886	85,429	1,732,196
2000	78,606	1,427,129	7,835	287,684	86,441	1,714,813
2001	78,507	1,388,271	20,433	558,672	98,940	1,946,943
2002	82,797	1,496,750	15,057	353,589	97,854	1,850,339
2003	86,114	1,351,219	22,540	409,298	108,654	1,760,517
2004	88,500	1,557,136	29,614	675,423	118,114	2,232,559
2005	98,036	1,565,332	44,169	1,163,808	142,205	2,729,140
2006	98,845	1,733,182	31,478	1,025,865	130,323	2,759,047
Jumlah	718,620	12,464,630	177,842	4,807,099	896,462	17,271,729

Sumber : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

- o Di samping itu, Kerajaan juga telah menaikkan elaun sara hidup pelajar di semua peringkat pengajian tempatan, termasuk kursus persediaan dan kursus luar negeri ,di antara 23 hingga 84 peratus mulai semester pertama sesi 2007.
- o Selain itu, mahasiswa / mahasiswi juga dapat menikmati yuran pengajian yang lebih rendah seperti di **Jadual 4**, memandangkan sebahagian besar yuran adalah ditanggung oleh Kerajaan.

JADUAL 4
Kerajaan Menanggung Sebahagian Besar Yuran Pengajian
Bagi Seorang Pelajar Di IPTA ...

Bil.	Bidang Pengajian	Yuran Program (RM) (A)	Yuran yang Dikenakan (RM) (B)	Yuran yang Ditanggung Kerajaan (RM) (A - B)
1	Kejuruteraan	73,298	9,242	64,056
2	Perakaunan	41,679	6,619	35,060
3	Pentadbiran Perniagaan	31,518	5,740	25,778
4	Sains Komputer/Teknologi Maklumat	36,457	6,577	29,880
5	Undang-undang	40,086	4,824	35,262
6	Perubatan	243,375	12,423	230,952
7	Kaunseling	38,276	7,319	30,957
8	Maritim/Marin	40,174	8,207	31,967
9	Perkhidmatan/Hospitaliti	32,864	10,720	22,144
10	Perhotelan	58,968	8,982	49,986
11	Pelancongan	28,335	3,720	24,615
12	Farmasi	56,360	6,436	49,924
13	Bioteknologi	54,751	7,980	46,771
14	Seni Bina	31,850	5,652	26,198

Nota : Anggaran yuran adalah berdasarkan purata yuran pengajian sesuatu program di IPTA untuk seorang pelajar bagi sesi akademik 2006/2007

Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi

- **Kesihatan**

- Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM8.7 bilion pada tahun 2006 di bawah perbelanjaan mengurus berbanding kutipan daripada perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian berjumlah RM167.3 juta. Ini bermakna Kerajaan memberi bantuan RM8.5 bilion untuk rakyat menerima rawatan kesihatan Kerajaan. Kerajaan juga telah membelanjakan RM2.7 bilion di bawah peruntukan pembangunan RMKe-9 untuk meningkatkan kemudahan kesihatan.
- Malah, ramai tidak sedar bahawa bayaran rawatan kesihatan oleh rakyat adalah kecil berbanding dengan kualiti perkhidmatan yang diterima. Rawatan kanak-kanak di bawah satu tahun dan suntikan imunisasi diberikan secara percuma. Begitu juga rawatan kepada pelajar, golongan kurang upaya, pesara dan anggota perkhidmatan awam serta pasukan beruniform diberikan secara percuma manakala bagi warganegara yang lain dikenakan bayaran paling minimum seperti berikut :

JADUAL 5
Kadar Caj Kemudahan Kesihatan Kerajaan Adalah Amat Murah ...

Rawatan	Caj (RM)
Caj Pesakit Luar	1.00
Rawatan pesakit dalam	
- Kelas Satu	10.00
- Kelas Dua	5.00
- Kelas Tiga	Percuma
Bersalin biasa	
- Kelas Satu	300.00
- Kelas Dua	150.00
- Kelas Tiga	10.00
Fisioterapi	
- Kelas Satu	Antara 5.00 hingga 20.00 (mengikut jenis terapi)
- Kelas Dua	Antara 3.00 hingga 10.00 (mengikut jenis terapi)
- Kelas Tiga	Antara 1.00 hingga 5.00 (mengikut jenis terapi)
Cabut sebatang gigi	
- Kelas Satu	15.00
- Kelas Dua	6.00
- Kelas Tiga	Percuma
- Pesakit Luar	1.00
Filing sebatang gigi	
- Kelas Satu	20.00
- Kelas Dua	8.00
- Kelas Tiga	Percuma
- Pesakit Luar	2.00
Tampal gigi	
- Kelas Satu	40.00
- Kelas Dua	16.00
- Kelas Tiga	Percuma
- Pesakit Luar	3.00
Kikis gigi	
- Kelas Satu	40.00
- Kelas Dua	16.00
- Kelas Tiga	Percuma
- Pesakit Luar	2.00

Gigi palsu penuh (satu rahang)	
- Kelas Satu	100.00
- Kelas Dua	50.00
- Kelas Tiga	25.00
- Pesakit Luar	50.00

Sumber : Kementerian Kesihatan

- o Bayaran minimum yang dikenakan bagi kemasukan ke wad adalah seperti di **Jadual 6**.

JADUAL 6
Kadar Caj Kemasukan Wad Di Hospital Kerajaan Amat Berpatutan ...

Jenis Wad	Caj Wad sehari (RM)	
	Warganegara	Pesara
Wad kelas 1 (bilik seorang berhawa dingin)	80.00	5.00
Wad kelas 1 (bilik berdua berhawa dingin)	60.00	4.00
Wad kelas 1 (bilik bertiga & lebih serta berhawa dingin)	40.00	3.00
Wad kelas 2 (bilik berhawa dingin)	30.00	1.50
Wad kelas 3	3.00	Percuma
Wad psikiatrik		
- Kelas Satu	10.00	1.25
- Kelas Dua	5.00	Percuma
- Kelas Tiga	Percuma	Percuma

Sumber : Kementerian Kesihatan

- o Caj yang dikenakan oleh klinik dan hospital Kerajaan adalah jauh lebih murah jika dibanding dengan caj yang dikenakan oleh klinik, hospital dan pusat perubatan swasta seperti di **Jadual 7** dan **8**.

JADUAL 7
Kadar Caj Pakar Kerajaan Amat Murah ...

Jenis Rawatan	Caj (RM)
	Waktu Pejabat
Lawatan Pertama	
- Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan	Percuma
- Rujukan Pegawai Perubatan Swasta	30.00
Lawatan <i>Follow-up</i>	
- Rujukan Pegawai Perubatan Kerajaan	5.00
- Rujukan Pegawai Perubatan Swasta	5.00
Kes-kes <i>Follow-up</i> yang telah keluar wad	5.00

Sumber : Kementerian Kesihatan

JADUAL 8
Kadar Caj Di Kemudahan Kesihatan Pakar Swasta Adalah Jauh Lebih Tinggi Berbanding Dengan Yang Dikenakan Oleh Kerajaan ...

Jenis Rawatan	Caj (RM)	
	Waktu Pejabat	Luar Waktu Pejabat
Lawatan Pertama	60.00 – 180.00	120.00 – 245.00
Lawatan <i>follow-up</i>	35.00 – 90.00	70.00 – 180.00

Sumber : *Guidelines for Medical Practitioners in Malaysia, Malaysian Medical Association*

- **Perumahan**

- Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan berhasrat untuk membina sebanyak 24,757 unit rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR). Sehingga kini, unit rumah yang dibina di bawah PPR adalah sebanyak 14,351 unit di seluruh negara.
- Dalam tempoh RMKe-9, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah membina sebanyak 58,245 unit rumah kos rendah dan kos sederhana rendah di kawasan bandar dan subbandar. SPNB juga membina sebanyak 166 unit rumah di Kedah dan 658 unit rumah di Pulau Pinang untuk penempatan semula mangsa Tsunami.

- **Tenaga elektrik**

- Kadar sebenar tarif elektrik yang dibekalkan kepada pengguna adalah pada kadar yang telah disubsidi. Ini kerana gas asli yang dijual oleh PETRONAS untuk penjanaan tenaga elektrik hanyalah RM6.40 setiap mmbtu berbanding harga pasaran RM40.53 setiap mmbtu. Ini bererti bagi setiap unit mmbtu gas asli yang dijual, PETRONAS menanggung subsidi sebanyak RM34.13.
- Dalam menyediakan bekalan tenaga elektrik, Kerajaan sentiasa mengutamakan kebajikan golongan berpendapatan rendah iaitu dengan mengekalkan kadar tarif elektrik pada kadar 21 sen kilowatt-jam bagi penggunaan tidak melebihi 200 kWj sebulan walaupun pelarasan tarif elektrik telah dibuat pada Jun 2006. Sebanyak 3.3 juta isi rumah di Semenanjung mengguna kurang dari 200 kWj sebulan pada masa ini.
- Setelah mengambil kira kadar tarif yang telah disubsidi, jumlah subsidi yang ditanggung untuk pengguna domestik ialah RM220 juta manakala lampu awam ialah RM90 juta bagi tahun 2007.

- **Orang Asli**

- Dalam tempoh RMKe-9, satu pelan pembangunan yang menyeluruh akan dilaksanakan bagi menangani kadar kemiskinan yang tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli. Untuk itu, peruntukan sebanyak RM233.1 juta telah disediakan untuk membina rumah golongan miskin yang berpendapatan kurang daripada RM415 sebulan (termasuk Orang Asli), termasuk membaik pulih kira-kira 14,000 rumah usang. Selain itu, skim pembangunan tanah baru dan penempatan semula yang dilaksanakan telah memberi manfaat kepada 84,250 Orang Asli, iaitu kira-kira separuh daripada jumlah penduduk Orang Asli.

11. Jadi berapa jumlah subsidi dan bantuan Kerajaan kepada rakyat?

- Jumlah subsidi serta bantuan lain yang ditanggung oleh Kerajaan adalah besar seperti di **Jadual 9**.

JADUAL 9
Jumlah Subsidi Dan Bantuan Kepada Rakyat Adalah Besar ...

RM bilion	2005	2006	2007
Subsidi produk petroleum	16.0	14.7	16.2
Subsidi harga gas kepada sektor elektrik & industri	14.3	15.6	18.0 *
Bantuan-bantuan lain	6.3	8.1	9.2
JUMLAH	36.6	38.4	43.4

Nota : * Anggaran PETRONAS

RUMUSAN

- Kerajaan amat prihatin kepada masalah berkaitan kebajikan dan taraf hidup rakyat. Sehubungan ini, Kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan perbelanjaan hidup rakyat tidak terjejas berikutan dengan kenaikan harga produk petroleum dan barang-barang perlu di Malaysia.
- Namun begitu, jumlah subsidi dan bantuan kepada rakyat perlu dihadkan pada tahap yang munasabah agar perbelanjaan Kerajaan dapat dimanfaatkan secara lebih adil dan digunakan untuk pelbagai tujuan demi kebaikan rakyat secara keseluruhan. Perbelanjaan yang terlalu tinggi ke atas subsidi akan menjejaskan keperluan untuk perbelanjaan pembangunan ke arah meningkatkan taraf hidup rakyat dan negara.
- Subsidi dan bantuan lain yang diberikan oleh Kerajaan adalah untuk meringankan beban kewangan rakyat. Pada masa yang sama, rakyat sendiri perlu mengurus perbelanjaan mereka dengan bijak selaras dengan kemampuan masing-masing.

Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

11 Februari 2008
www.epu.gov.my